

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Rabu, 25 Mei 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
MAC 2022**

**Indeks Pelopor menunjukkan pemulihan ekonomi Malaysia
akan terus berdaya tahan**

PUTRAJAYA, 25 MEI 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI MAC 2022**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Pemulihan ekonomi Malaysia akan terus berdaya tahan. Paras IP terus menunjukkan arah aliran menaik dengan mencapai 111.3 mata pada bulan rujukan berbanding 110.9 mata pada Februari 2022, meningkat 0.4 peratus. Kenaikan ini disokong terutamanya oleh Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (0.3%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (0.3%). Namun begitu, IP tahun ke tahun menurun kepada negatif 1.5 peratus pada Mac 2022 terutamanya disebabkan oleh kejatuhan dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain."

Analisis lanjut daripada perspektif hala tuju (**Paparan I**), menunjukkan bahawa ekonomi jangka pendek dijangka kekal berada di landasan pemulihan. Meskipun, kenaikan harga komoditi berikutan konflik global yang berlarutan menyebabkan kemerosotan lanjut dalam kuasa beli untuk mencapai pemulihan yang lancar dan mampan.

Prestasi Indeks Serentak (IS) meningkat sebanyak 3.1 peratus kepada 117.9 mata pada Mac 2022 (Mac 2021: 114.3 mata), mencerminkan aktiviti ekonomi yang menggalakkan pada bulan yang sama pada 2021. Perbandingan bulan ke bulan IS mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4 peratus. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan signifikan dalam Kapasiti Penggunaan di sektor Pembuatan (0.7%) dan Jumlah Guna Tenaga di sektor Pembuatan (0.4%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

25 MEI 2022

LAMPIRAN I

Paparan I:

Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 25 May 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES
MARCH 2022**

***Malaysia's economic recovery will continue to be resilient as shown by the
Leading Index***

PUTRAJAYA, 25 MAY 2022 - Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR MARCH 2022**. The Leading Index (LI) is a predictive tool used to anticipate economic upturns and downturns in an average of four to six months ahead.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Malaysia's economic recovery will continue to be resilient. The level of the LI continued to portray an upward trend by reaching 111.3 points in the reference month compared to 110.9 points in February 2022, increased by 0.4 per cent. The increase was primarily supported by Number of Housing Units Approved (0.3%) and Number of New Companies Registered (0.3%). However, the year-on-year LI slipped to negative 1.5 per cent in March 2022 mainly due to performance in Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals."

Further analysis from a directional perspective (**Exhibit I**), indicates that the short-term economy is expected to remain on the path of recovery. Although, rising commodity prices following the protracted global conflict led to a further decline in purchasing power to achieve a smooth and sustainable recovery.

The performance of the Coincident Index (CI) rose by 3.1 per cent to 117.9 points in March 2022 (March 2021: 114.3 points), reflecting the encouraging economic activity over the same month in 2021. The month-on-month comparison of CI posted an

increase of 1.4 per cent. The growth was driven by a significant rise in Capacity Utilisation in Manufacturing sector (0.7%) and Total Employment in Manufacturing sector (0.4%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

25 MAY 2022

Exhibit I: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle

